



PEJABAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Tingkat 1, Bangunan Annex,
Bangunan Dewan Negeri Selangor,
40680 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55447615, 55447616, 55447617, 55447618, 55447422



PENYATA

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
BERKENAAN
PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MiMBAR)



URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- vi) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN
KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM MIKROKREDIT
MISKIN BANDAR (MiMBAR)

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAK KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MiMBAR)

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 7 – 11 April dan 14 – 18 April 2014.

2. PROGRAM TUMPUAN JAWATANKUASA

JPK-Pembasmian Kemiskinan yang ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi meneliti keberkesanan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri secara fokus memilih tiga program yang sedang dalam pelaksanaan iaitu MiMBAR (Mikrokredit Miskin Bandar), SKIMSEL (Skim Mikrokredit Selangor) dan WALA (Wanita Ladang). Ketiga-tiga program ini adalah di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor dengan tumpuan “Hasil Negeri Untuk Rakyat”.

3. PENDENGARAN TERTUTUP

JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan pendengaran tertutup pada 21 Januari 2014 (Selasa) bagi mendengar taklimat mengenai Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR).

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- | | |
|---------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 4. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik | Ahli |

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | |
|----------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| i) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) Y.B Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iii) Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| iv) Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| v) Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| vi) Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |
| vii) Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |

Penyata ini disediakan oleh Y.B Tuan Hj Saari Sungib (Pengerusi) dan Y.B. Tuan Lau Weng San (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan di mesyuarat Jawatankuasa pada 25 Februari 2014.

Disahkan oleh:



YB Tuan Haji Saari bin Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan
(JPK-Pembasmian Kemiskinan)

(ADN Kawasan Sungai Air Tawar)

Jabatan yang dijemput adalah Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan taklimat disampaikan oleh Encik Azily bin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif MiMBAR.

4. LATARBELAKANG

Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) Selangor dilancarkan pada 3 Mac 2011 oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Menteri Besar Selangor. Program MiMBAR diletakkan di bawah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan Hal-Ehwal Wanita, YB Rodziah Ismail dengan peruntukan dana awal sebanyak RM20 juta dari Kerajaan Negeri Selangor. Sasaran MiMBAR adalah penduduk miskin bandar di majlis-majlis bandaraya dan perbandaran Selangor iaitu Klang, Shah Alam, Subang Jaya, Petaling Jaya, Ampang Jaya, Selayang, Sepang dan Kajang.

5. FAKTA

1. Program MiMBAR bertujuan untuk menjana ekonomi bagi golongan miskin bandar untuk melepas paras garis kemiskinan. Peserta yang diberi keutamaan pinjaman ialah wanita, OKU (orang kelainan upaya) dan mereka yang berkeluarga.
2. Kawasan sasaran adalah di lapan buah bandar di Selangor iaitu Klang, Shah Alam, Subang Jaya, Petaling Jaya, Ampang Jaya, Selayang, Sepang dan Kajang.
3. Zon Klang dan zon Ampang Jaya mempunyai bilangan peserta yang terbanyak iaitu lebih dari 1,000 peserta.
4. Terdapat lima cara MiMBAR membuat bantuan kelayakan iaitu: bantuan pegawai MiMBAR, ketua masyarakat, NGO, persatuan penjaja dan kerjasama dengan pihak PBT.
5. Pada bulan Julai 2012 MiMBAR memohon penambahan dana daripada kerajaan negeri. Pada bulan November 2013 peruntukan dana sebanyak RM6 juta telah diluluskan.
6. Tempoh pembayaran balik pinjaman adalah sebanyak 18 bulan tetapi tempoh ini boleh dipanjangkan mengikut budi bicara MiMBAR. Tiada faedah atas pinjaman dan tiada caj pengurusan dikenakan.
7. Terdapat pilihan program yang boleh dipilih peserta iaitu:-
 - a) Mikrokredit-Pinjaman mikrokredit di antara RM1,000 hingga RM5,000 untuk menambah dana perniagaan

- b) Bantuan Niaga-Bantuan peralatan, produk dan ruang niaga disediakan untuk pakej yang membantu pemohon untuk bermula berniaga dengan peralatan yang disediakan seperti kiosk dan produk; dan
- c) Bantuan kerja-Menyediakan peralatan dan ruang kerja bagi menjana pendapatan untuk menjayakan konsep *workfare* dengan tawaran pakej bantuan kerja yang disediakan.

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

1. Pada mulanya tempoh bermastautin di negeri Selangor yang ditetapkan adalah selama 5 tahun. Oleh sebab dana untuk membiayai pemohon yang layak tidak mencukupi maka tempoh ini dipanjangkan.
2. Dengan suntikan dana tambahan sebanyak RM6 juta pada November 2013, dalam tempoh setahun MiMBAR telah berkeupayaan menggunakan wang yang dibayar balik oleh peserta sebagai modal pusingan.
3. Buat masa ini tahap bayar balik peserta MiMBAR adalah 70% dan kebanyakannya adalah daripada golongan wanita yang berusia di antara 30 hingga 50 tahun.
4. Golongan Cina miskin bandar kurang berminat kerana amaun wang yang boleh dipinjam adalah rendah.
5. MiMBAR kurang menggalakkan perniagaan sewaan teksi kerana tahap bayar balik pinjaman yang kurang memberangsangkan.
6. Kebanyakan peserta lebih berminat dengan pakej mikrokredit dan pakej bantuan niaga seperti kiosk dan produk yang sedia ada. Peserta kurang berminat dengan pakej bantuan kerja yang lebih berteraskan *workfare* daripada *welfare*.
7. Buat masa ini liputan program MiMBAR adalah terhad dan tidak meluas. Masih ramai golongan miskin bandar yang tidak tahu kewujudan program MiMBAR.

6. SARANAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa berpendapat program MiMBAR berpotensi menjadi salah satu program utama dalam pelan induk pembasmian kemiskinan bandar di Selangor. Sambutan golongan miskin bandar terutama wanita yang berusia antara 30 hingga 50 tahun adalah amat menggalakkan. Tahap 70% pembayaran balik bolehlah dikira satu pencapaian yang memuaskan memandangkan peserta adalah di kalangan warga bandar. Keupayaan pihak pengurusan MiMBAR untuk mengendalikan modal pusingan hasil kutipan daripada pinjaman peserta dalam tempoh satu tahun juga bolehlah dianggap sebagai satu kejayaan.

Berdasarkan besarnya potensi MiMBAR untuk mengeluarkan warga bandar daripada paras garis kemiskinan, Jawatankuasa menyarankan agar:

1. Syarat tempoh bermastautin di negeri Selangor yang ditetapkan hendaklah dikurangkan dari lima (5) tahun kepada dua (2) tahun dengan objektif utama untuk tujuan mengeluarkan golongan miskin bandar di Selangor daripada paras garis kemiskinan dengan kadar sesegera mungkin.
2. Berkadar dengan keupayaan pihak pengurusan MiMBAR mengendalikan pusingan modal, Kerajaan Negeri hendaklah menjadualkan suntikan modal tambahan agar program ini secara berterusan tanpa terputus dapat menarik minat para peniaga kecil di kalangan golongan miskin bandar di Selangor.
3. Satu perancangan jangka masa pertengahan hendaklah diwujudkan bagi pembangunan usahawan wanita berusia dalam lingkungan umur 30 hingga 50 tahun sebagai program lanjutan bagi mereka yang bakal melepassi paras garis kemiskinan hasil daripada program MiMBAR. Program lanjutan ini diperlukan ke arah menamatkan kitaran kemiskinan bandar bagi mencapai peningkatan pendapatan dan seterusnya penjanaan kekayaan warga bandar di Selangor.
4. Meningkatkan tumpuan kepada pinjaman mikrokredit dan pakej bantuan niaga seperti kiosk dan produk sedia ada dan bukannya kepada pakej bantuan kerja yang semata-mata bertujuan untuk mempromosikan konsep dan kempen *workfare* bukannya *welfare*.
5. Memberi tumpuan utama kepada pinjaman bagi jenis-jenis perniagaan yang terbukti pesertanya membuat pembayaran balik secara dedikasi dan berdisiplin berbanding dengan jenis-jenis perniagaan yang pembayaran balik oleh pesertanya tidak memberangsangkan (seperti perniagaan sewaan teksi).
6. Mewujudkan program khas bagi menarik minat golongan miskin bandar di kalangan kaum Cina dengan amaun pinjaman permulaan sehingga maksimum RM20,000.
7. Kerajaan Negeri memperuntukan dana tambahan dan menetapkan kuota tertentu agar program ini dapat dimanfaatkan oleh warga negeri di luar Selangor dengan dimulakan di kalangan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kelantan. Dengan itu peranan Selangor sebagai sebuah negeri yang komited melaksanakan program pembasmian kemiskinan akan memberi impek yang tinggi di peringkat nasional.
8. Pihak pengurusan MiMBAR hendaklah dengan lebih sistematik mempromosikan program MiMBAR kepada golongan miskin bandar.